

No.2, Jalan PPM 10, Plaza Pandan Malim, 75250 Melaka
MEMO ANTARA JABATAN/ UNIT

Daripada : Timbalan Pengarah

Kepada : Semua pelajar semester 2, 3, & 4

Salinan : 1. Pengarah
2. KJKA / KJKE / KJKM / KJP / KJPA / KJMSK / KUSKK
3. Ketua Unit
4. Peg. Eksekutif Kanan
5. Fail Timbul

Tarikh : 28 Sept 2020

Ruj. Kami : PMK/HEP/12/01/1 ()

Tel: 06-3376118

Saudara/saudari;

KEBENARAN KEMASUKAN SECARA BERPERINGKAT KE KAMPUS BAGI PELAJAR PERINGKAT DIPLOMA DAN SIJIL POLITEKNIK SESI JUN 2020

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat dari JPPK rujukan : JPPKK.BIPD.600-2/1/1 (27) bertarikh 23 Jul 2020 dan kenyataan media daripada Kementerian Pengajian Tinggi pada 27 September 2020 adalah berkaitan.

2. Siswa siswi daripada zon merah ditangguhkan kembali ke kampus sehingga keadaan pulih dan akan diberitahu kelak. Namun berikutan peningkatan kes COVID-19 di beberapa daerah di negara ini, bagi siswa siswi yang bukan dari kawasan zon merah, kemasukan ke Politeknik Melaka kekal mengikut kalendar akademik Politeknik Melaka bermula 5 Oktober 2020 (Isnin). Sebarang pertanyaan berkaitan pergerakan balik ke kampus serta sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dirujuk terus kepada JHEPP, Politeknik Melaka di talian 06-3376058.

3. Bagi pelajar yang berada di kampus, pihak politeknik diberi fleksibiliti dalam menentukan kaedah pembelajaran yang bersesuaian termasuklah kombinasi pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian dan bersemuka mengikut keperluan program masing-masing dengan merujuk kepada Study Plan yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Kurikulum, JPPKK.

5. Pihak Pengurusan berharap semua pelajar mematuhi semua prosedur operasi standard dan panduan keselamatan berkenaan COVID-19 yang berkuatkuasa dalam pelaksanaan PdP di institusi. Kerjasama dan perhatian tuan/puan amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.


Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut amanah



(Ts. MOHD AZAMRI BIN KANDARI)
Timbalan Pengarah
Politeknik Melaka



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

PENANGGUHAN KEMASUKAN PELAJAR (BAHARU DAN LAMA) DARI KAWASAN ZON MERAH COVID-19 KE IPT

Berikutan peningkatan kes COVID-19 di beberapa daerah di negara ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menyarankan kepada semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk menangguhkan dahulu urusan pendaftaran kemasukan pelajar baharu dan lama dari kawasan zon merah secara bersemuka di kampus masing-masing, yang dijadualkan bermula Oktober ini.

Proses pendaftaran dan pembelajaran bagi kumpulan pelajar terbabit bolehlah dilakukan secara dalam talian. Para pelajar boleh pulang ke kampus masing-masing mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada setelah keadaan kembali pulih.

Bagi pelajar yang bukan dari kawasan zon merah, kemasukan ke IPT kekal mengikut kalendar akademik IPT masing-masing. Sebarang pertanyaan berkaitan pergerakan balik ke kampus serta sesi pengajaran dan pembelajaran boleh dirujuk terus kepada IPT masing-masing.

KPT sekali lagi menegaskan bahawa semua IPT telah diarah untuk memastikan pelaksanaan aktiviti akademik di kampus mematuhi sepenuhnya SOP yang ditetapkan dan mengutamakan langkah-langkah keselamatan. Pada masa yang sama, kementerian ingin menasihatkan pelajar supaya terus mengambil langkah pencegahan seperti kerap mencuci tangan, memakai pelitup muka dan mengamalkan penjarakan fizikal.

DATO' DR. NORAINI AHMAD
Menteri Pengajian Tinggi

27 September 2020